



ADI ALIFUDDIN HUSSIN meletakkan sasaran untuk membawa pulang pingat emas buat kali keempat pada Sukan Universiti Asean yang bermula di Palembang, Indonesia minggu depan.

Adi sasar emas keempat AUG

Oleh **NOR AZAN FITRI**
AHMAD HIDZIR

sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Atlet lontar peluru kebangsaan, Adi Alifuddin Hussin optimis untuk merangkul pingat emas keempat pada Sukan Universiti Asean (AUG) 2014 yang akan berlangsung di Palembang, Indonesia minggu hadapan.

Atlet berusia 26 tahun itu pernah merangkul emas dalam tiga edisi AUG sebelum ini iaitu di Kuala Lumpur pada 2008, Chiang Mai, Thailand (2010) dan Vientiane, Laos (2012).

Katanya, kelebihan itu akan digunakan sebaik mungkin untuk mempertahankan emas yang pernah dimenangkannya sebelum ini.

Dia juga menyifatkan penyertaannya dalam edisi kali ini adalah platform terbaik buatnya untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi Sukan SEA 2015 di Singapura.

“Saya melihat Thailand sebagai pencabar utama kerana mereka

memiliki atlet yang bagus di setiap peringkat usia, jadi ini akan menjadi peluang terbaik saya untuk beraksi sebaik mungkin sebelum pergi ke Singapura tahun depan.

“Saya kini berlatih bersama jurulatih baharu iaitu Mohd. Malik Tobias (bekas atlet dekatlon negara).

“Selama sebulan bersamanya saya lihat prestasi dan teknik balingan saya semakin baik, cuma masih perlu memperbaiki beberapa kelemahan lagi,” katanya.

Penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu merupakan pemegang rekod kebangsaan dengan catatan 17.53 meter ketika beraksi di Sukan SEA Palembang 2011.

Olahraga merupakan antara sukan yang menjadi sandaran kontingen negara untuk memburu banyak pingat emas.

Acara olahraga akan memulakan kempen pada 15 Disember ini di Stadium Olahraga Jaka Baring.